KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

# KERATAN SURAT KHABAR

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| SURAT KHABAR | : | KOSMO | | | |
| TARIKH | : | 30/9/2021 (KHAMIS) | MUKA SURAT | : | 16 |
| JABATAN | : | TNB | | | |

Kosmo, 30 Sept 2021_16

## Keluarga Orang Asli dapat bekalan elektrik selepas 30 tahun

**GUA MUSANG** – Seramai 230 keluarga Orang Asli Bateq di Kampung Kuala Koh di sini akhirnya dapat menikmati bekalan elektrik selepas 30 tahun mereka menunggu.

Penerimaan bekalan elektrik itu menjadi kenyataan selepas Tenaga Nasional Berhad (TNB) menjalankan Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar di kawasan berkenaan.

Penghulu Kampung Kuala Koh, Mohamad Pokok berkata, kemudahan itu adalah janji pihak kerajaan kepada penduduk Orang Asli Kuala Koh selepas mereka berdepan dengan penularan wabak Measles atau demam campak kira-kira lima tahun lalu.

Katanya, wabak itu menyebabkan 15 penduduk maut hingga keluarga terbabit tidak tenang dan kerap berpindah ke hutan.

"Kami bersyukur apabila janji itu sudah dilaksanakan dan penduduk dapat tinggal dalam keadaan selesa di rumah masing-masing.

"Selama ini, kami tinggal bergelap dan hanya bergantung dengan cahaya lilin atau pelita pada waktu malam," katanya ketika ditemui pemberita selepas perasmian bekalan elektrik di Kampung Kuala Koh di sini semalam.



**AMRAN (tiga dari kanan) melihat meter elektrik sebuah rumah penduduk Orang Asli di Kampung Kuala Koh, Gua Musang semalam.**

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri Paloh, Amran Arifin dan Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli Kelantan/Terengganu, Shafie Abas.

Sementara itu, Amran yang merasmikan bekalan elektrik itu berkata, kampung itu sudah banyak perubahan apabila banyak jabatan termasuk agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan memberi tumpuan untuk membantu penduduk minoriti itu.

"TNB dan Jakoa berperanan besar bagi membawa perubahan kepada kampung itu," katanya.